

Jenis Akhbar : *Harian Metro*  
Tarikh : *05/08/2019*  
Edisi / Muka Surat : *Negeri / 27*  
Tajuk : *Galak anak istimewa tanam sayur organik*

**Kuala Lumpur**

## Galak anak istimewa tanam sayur organik

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyumbang peralatan pertanian untuk digunakan pelajar istimewa di Akademi Faqeh, Nilai, kelmarin.

Timbalan Presiden Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail berkata, sumbangan itu dibuat ketika pelancaran Laman Agro Coop Care Angkasa-Faqeh sempena Jom Tanam Sejuta Pokok bagi memberi peluang kepada kanak-kanak terbahit melakukan tanaman organik.

Katanya, ia mampu memberi peluang kepada kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) menghasilkan tanaman seperti sayuran organik untuk kegunaan akademi selain dijual kepada



**KAMARUDIN** (tiga dari kanan) pada pelancaran Laman Agro Coop Care Angkasa-Faqeh sempena Jom Tanam Sejuta Pokok, semalam.

masyarakat setempat.

“Aktiviti itu juga dapat meningkatkan potensi mereka dari segi cara penjagaan tanaman selain memupuk kemahiran perniagaan dengan bantuan guru.

“Sebanyak 300 benih sayur disemai ketika program itu dan dijangka dapat dituai selepas empat minggu,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.



**Aktiviti itu dapat meningkatkan cara penjagaan tanaman selain memupuk kemahiran perniagaan. Sebanyak 300 benih sayur disemai dijangka dapat dituai selepas empat minggu”**

*Kamarudin Ismail*

Akademi Faqeh mempunyai 45 pelajar istimewa seperti autisme, sindrom down, disleksia dan mengalami masalah pendengaran.

Kamarudin berkata, pihaknya berharap tanaman organik itu mampu menghasilkan pendapatan tambahan untuk akademi itu sebelum diperluaskan pada masa akan datang.

*Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA*